

SIJIL MATI UNTUK LINA JOY

“Terima keputusan Lina Joy - PM”. Inilah tajuk utama Utusan Malaysia 1 Jun lepas. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat supaya menerima keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Azlina Jailani atau Lina Joy dengan terbuka dan tidak membenarkan diri mereka dipengaruhi emosi. Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Mahkamah Persekutuan menolak permohonan Lina Joy yang mengaku murtad sejak 17 tahun lalu untuk menggugurkan perkataan Islam dalam kad pengenalnya dengan penghakiman secara majoriti 2-1. Mahkamah menegaskan Azlina, 42, yang menukar namanya kepada Lina Joy perlu mendapatkan perakuan daripada Mahkamah Syariah bahawa dia telah murtad sebelum Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) boleh menggugurkan perkataan Islam dalam kad pengenalnya. Pada masa yang sama, Abdullah turut menyangkal dakwaan seorang wartawan media asing bahawa undang-undang Islam kini mengatasi Perlembagaan Persekutuan negara ini. *“Tak ada perkara macam itu (undang-undang Islam mengatasi Perlembagaan Persekutuan). Perlembagaan Persekutuan ialah Perlembagaan Persekutuan. Ada satu set undang-undang yang perlu kita patuhi. Ia merupakan sesuatu yang perlu kita patuhi, itu sahaja”*, katanya [UM 01/06/07].

Pelbagai reaksi diberikan oleh umat Islam dengan keputusan ini. Banyak pihak melahirkan rasa gembira dan syukur dengan keputusan yang telah dibuat. Bagi segelintir yang lain, tiada apa yang nak dibanggakan dengan keputusan Mahkamah ini kerana isunya adalah isu ‘nama’ bukannya isu ‘agama’. Bagi non-Muslim, khususnya golongan Nasrani, mereka memandang serius akan hal ini kerana ini adalah persoalan hak asasi manusia dan ianya dijamin atau termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Dipandang dari sudut ‘agama’, golongan Nasrani sudah lama bergembira kerana hakikatnya Lina Joy telah pun murtad, walau apa namanya sekalipun. Dan yang lebih penting, simurtad itu adalah seorang Muslim. Jika yang memeluk agama Nasrani itu berasal dari agama Hindu atau Buddha, kegembiraan mereka tidaklah seberapa. Persoalannya, sebagai seorang Muslim, adakah kita perlu menerima dan pasrah sahaja dengan keputusan ini, malah bergembira dengannya, atau apakah sebenarnya yang patut kita lakukan? Apakah kita juga turut bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri yang mengakui bahawa Perlembagaan Persekutuan mengatasi undang-undang Islam? Apakah kita harus redha sahaja kepada Perlembagaan yang diasaskan oleh Lord Reid ini? Inilah persoalan yang akan dikupas oleh Sautun Nahdhah pada kali ini.

Bersyukurkah Kita Dengan Keputusan Ini?

Dari berita-berita yang disiarkan, ramai di kalangan umat Islam di Malaysia menarik nafas lega dengan keputusan Mahkamah Persekutuan ini, sehingga ada yang menyifatkan ia adalah satu kemenangan untuk Islam. Laungan ‘Allahu Akbar’ yang bergema di perkarangan bangunan ‘Palace of Justice’ pada hari itu menggambarkan kegembiraan di hati mereka yang hadir. Apa tidaknya, ini adalah keputusan Mahkamah tertinggi di negara ini yang mana selepas ini tidak ada lagi mahkamah yang lebih tinggi untuk merubah penghakiman yang telah dibuat. Bagi mereka yang keliru, ya, inilah kemenangan. Tetapi jika umat Islam berfikir lebih jauh sedikit dengan keputusan yang dibuat, mereka akan sedar bahawa apa yang diputuskan oleh Mahkamah bukanlah soal bahawa seseorang itu ‘tidak boleh murtad’ tetapi penghakiman yang dibuat adalah berkenaan isu ‘perkataan Islam’ di dalam kad pengenalan, di mana Lina Joy tidak dibenar memadamkan perkataan tersebut di dalam myKadnya. Dengan kata lain, sesiapa sahaja yang ingin murtad masih boleh berbuat demikian, cuma mereka tidak dibenar menggugurkan perkataan ‘Islam’ di dalam kad

pengenalannya, kecuali setelah mendapat izin dari Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Keputusan ini juga membawa implikasi bahawa seseorang itu masih boleh murtad dan mempunyai harapan untuk menukar status ‘Islam’ di dalam kad pengenalnya, jika diizinkan oleh Mahkamah Syariah.

Wahai kaum Muslimin! Pandanglah dengan pandangan yang jernih, apakah keputusan Mahkamah ini telah berjaya mengembalikan Lina Joy ke pangkuan Islam? Apakah persoalan akidah umat Islam itu ditentukan oleh ‘nama’ atau ‘perkataan Islam’ yang tertulis di atas sekeping dokumen? Tidakkah kalian sedar bahawa kewujudan kad pengenalan itu hanyalah sekadar urusan pentadbiran *duniawi* sedangkan akidah itu adalah ‘urusan *ukhrawi*’? Adakah apa yang tertera di atas sekeping kad itu boleh melambangkan apa yang tertera di dalam hati, sehingga jika dikekalkan perkataan Islam pada kadnya bermakna Islamlah hatinya? Apakah kalian akan beranggapan bahawa dengan keputusan ini akan dapat menyelamatkan akidah umat Islam yang lain jika mereka ingin mengambil langkah sebagaimana langkah neraka Lina Joy?

Dalam satu masa umat Islam di Malaysia tidak henti-henti berjuang untuk memartabatkan Mahkamah Syariah, yang dikatakan semakin hilang wibawa dan kuasanya kerana dihakis oleh Mahkamah Sivil, namun, dalam masa yang sama, umat Islam sebenarnya mengiktiraf dan bergantung harap kepada Mahkamah Sivil (Mahkamah Persekutuan) untuk mengembalikan wibawa tersebut. Sebagaimana yang telah kami cupas di dalam Sautun Nahdhah yang lalu, kewujudan ‘Mahkamah Syariah’ di Malaysia pada hari ini dengan sendirinya membawa erti bahawa Mahkamah selainnya adalah tidak syariah (tidak Islam). Persoalannya justeru, apakah kewujudan Mahkamah yang tidak syariah ini dibolehkan oleh Islam? Jika tidak boleh, apakah kita cuma mahu bersikap pasrah (menerima bulat-bulat tanpa apa-apa bantahan) sahaja dengan kewujudan Mahkamah tidak Islam yang diwarisi dari British ini? Penerimaan kita akan keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan (Mahkamah Sivil) ini bermaksud kita telah ‘mengiktiraf’ apa yang British wariskan kepada kita dan kita mengakui bahawa kedudukan Mahkamah Persekutuan sememangnya lebih tinggi dari Mahkamah Syariah. Tidakkah kalian sedar akan hakikat ini wahai kaum Muslimin? Oleh yang demikian, apakah wajar bagi kita untuk menerima dan bersyukur dengan penghakiman yang telah dibuat?

Sesungguhnya kewujudan sistem mahkamah yang ada sekarang, baik mahkamah sivil mahupun mahkamah syariah adalah kerana ia diwujudkan/diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Pengiktirafan kita ke atas kedua-dua institusi ini, malah bergembira dengan keputusan yang dibuat sedangkan ia langsung tidak memutuskan/berhukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, menunjukkan bahawa kita telah meletakkan undang-undang manusia mengatasi undang-undang Allah. Sedar atau tidak, kita sebenarnya telah meletakkan Perlembagaan itu lebih tinggi dari hukum Allah. Adakah kita ingin sependapat dengan Perdana Menteri dalam hal ini yang mengakui bahawa Perlembagaan Persekutuan lebih tinggi dari Islam, walhal Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa Sallam bersabda “*Islam itu tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi darinya*” ? [HR al-Baihaqi].

Bilakah Seseorang Dianggap Murtad?

Wahai kaum Muslimin! Allah Subhanahu wa Ta’ala adalah Tuhan Yang Maha Mencipta. Dia mencipta manusia dan mencipta Deen untuk manusia. Dan Dia telah memilih bahawa Deen untuk manusia adalah Islam. FirmanNya, “*Sesungguhnya Deen (yang diredhai) di sisi Allah itu hanyalah Islam*” [TMQ Ali Imran (3):19] dan firmanNya, “*Barangsiapa mencari selain Islam sebagai Deen, maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya, dan di Hari Akhirat dia termasuk ke dalam orang-orang yang rugi*” [TMQ Ali Imran (3):85]. Dalam ayat ini, Allah Subhanahu wa Ta’ala telah menjelaskan dengan sejelas-jelasnya sehingga tidak ada makna lain lagi yang boleh ditafsir atau ditakwil oleh sesiapa pun bahawa hanya Islamlah satu-satunya Deen yang diterima oleh Allah

untuk dianuti oleh manusia. Dengan kata lain, sesiapa sahaja yang tidak beragama dengan Islam atau yang pada asalnya beragama Islam kemudian keluar dari Islam, maka Allah sekali-kali tidak akan redha kepadanya. Maka, jika Allah tidak redha kepadanya, kita juga sebagai umat Islam tidak boleh redha kepadanya. Justeru, apakah kita akan redha dengan Lina Joy yang telah secara terang-terangan mengaku memeluk agama Nasrani?

Dalam penghakimannya, Hakim Ahmad Fairuz berkata, JPN mempunyai justifikasi untuk mendapat pengesahan penguasa agama Islam bahawa Lina Joy telah murtad sebelum meluluskan permohonan wanita itu untuk memadamkan perkataan ‘Islam’ daripada kad pengenalnya. Beliau berkata, jika JPN menerima pengakuan seseorang bahawa dia telah keluar agama Islam berasaskan pengisytiharan pemohon semata-mata, maka JPN mengambil risiko apabila menyatakan dia sebagai bukan Muslim sedangkan mengikut undang-undang Islam, orang itu masih belum murtad. “*Ini semua akan mengakibatkan celaan daripada masyarakat Muslim. Atas sebab ini, saya percaya, JPN mengguna pakai dasar bahawa perakuan bersumpah sahaja tidak cukup untuk membolehkan perkataan ‘Islam’ dipadamkan daripada kad pengenalan seseorang Muslim,*” katanya [UM 31/05/07]. Nampaknya, celaan masyarakat lebih diambil kira dari celaan Allah Subhanahu wa Ta’ala ke atas simurtad! Inilah kedudukan terkini ‘undang-undang Islam’ Malaysia di mana walaupun seseorang itu telah membuat pengakuan atau pengisytiharan murtad, tetapi dia masih belum dikatakan murtad sehinggalah ‘disahkan’ oleh Mahkamah. Jadi, walaupun pada hakikatnya seseorang itu telah murtad, tetapi dari segi undang-undang, dia masih lagi seorang Muslim!

Sekali lagi, kami ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan kepada mereka yang keliru bahawa murtadnya seseorang itu bukannya diukur dari ‘perintah’ Mahkamah Syariah, tetapi diukur dari *i’tiqad*, perbuatan atau perkataannya. Mahkamah tidak boleh menjadi penentu kemurtadan seseorang. Murtad datangnya dari ‘*qalbu*’, bukannya dari perintah seseorang qadhi. Menurut **Syeikh Abdurrahman al-Maliki**, di dalam kitabnya, *Nidzamul Uqubat Fi al-Islam*, seorang Islam itu akan jatuh kafir (murtad) dengan empat indikasi seperti berikut, (1) dengan keyakinan (*i’tiqad*), (2) dengan keraguan (*syak*), (3) dengan perkataan (*al-qaul*), (4) dengan perbuatan:-

Pertama, dengan keyakinan. Ini dilihat dari dua sisi; (a) meyakini dengan pasti sesuatu yang berlawanan dengan apa yang diperintah, atau yang dilarang. Contohnya meyakini bahawa Allah memiliki sekutu atau meyakini bahawa Al-Quran bukanlah Kalamullah (b) mengingkari sesuatu yang sudah maklum dalam masalah agama seperti mengingkari jihad, mengingkari keharaman khamar, mengingkari hukum potong tangan, dan lain-lain.

Kedua, keraguan dalam berakidah dan semua hal yang dalilnya *qath'i*. Contohnya, ragu bahawa Allah itu satu; ragu bahawa Muhammad *Salallahu 'alaihi wa Sallam* adalah Rasulullah; atau ragu tentang hukum sebat bagi pezina dan seumpamanya.

Ketiga, dengan perkataan yang jelas, tidak perlu ditafsirkan atau dita'wilkan lagi. Contohnya, seseorang yang mengatakan (termasuk membuat pengisytiharan) bahawa dia telah keluar dari Islam dan memeluk agama baru, mengatakan atau mengakui bahawa Isa adalah anak Allah, Muhammad bukan nabi, dan lain-lain. Sedangkan perkataan yang masih belum jelas, atau masih perlu dita'wilkan maka tidak memurtadkan penguapnya.

Keempat, dengan perbuatan yang jelas tanpa perlu ta'wil lagi. Contohnya, menyembah berhala, melakukan ibadat di gereja dengan tata cara ala gereja, sembahyang di Kuil Hindu dengan amalan ritual Hindu dan lain-lain. Sedangkan perbuatan yang belum jelas, tidak mengkafirkan pelakunya seperti masuk ke gereja, membaca Injil, dan lain-lain.

Oleh kerana manusia adalah makhluk Allah dan Allahlah yang mencipta agama untuk manusia, maka sesiapa sahaja yang keluar atau tidak beragama dengan agama Allah (Islam), maka, Allah jualah yang berhak menentukan hukuman baginya. Untuk golongan yang keluar dari agama Allah ini, Allah Subhanahu wa Ta'ala telah memberi khabar ancaman bahawa, "*Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.*" [TMQ **Al-Baqarah** (2):217]. Dan Allah telah menetapkan hukuman ke atas mereka yang murtad melalui lisan NabiNya bahawa, "*Sesiapa sahaja yang menukar agama (Islam)nya, maka bunuhlah dia*" [HR **Bukhari**]. Inilah ketetapan dari Pencipta manusia dan Pencipta agama Islam. (Sila rujuk Sautun Nahdhah bertajuk '250,000 Murtad: Masihkah Kita Ingin Berdiam Diri?' untuk perbincangan lanjut mengenai hukum ke atas orang yang murtad).

Peranan Mahkamah Dalam Islam

Wahai kaum Muslimin! Di dalam membincangkan isu murtad ini, hendaknya kita tidak dipengaruhi oleh sentimen lain selain Islam semata-mata. Murtad bermaksud keluar dari agama Islam, baik lelaki mahupun perempuan, baik seseorang itu berbangsa Arab, Afrika, India, Cina ataupun Melayu. Persoalan murtad langsung tidak ada kena mengena dengan bangsa. Jangan kita dipengaruhi oleh emosi *assabiyah* menyebabkan kita memandang serius jika yang murtad itu adalah dari bangsa kita, tetapi jika simurtad adalah dari bangsa lain, maka kita langsung tidak mengambil peduli. Janganlah kerana Lina Joy itu adalah seorang Melayu, maka dengan itu kita menunjukkan keprihatinan kita. Tetapi kalaulah Lina Joy itu seorang Cina atau India atau seorang masyarakat asli, maka ini langsung tidak menarik minat kita. Hal ini adalah salah

sama sekali dan bukannya datang dari ajaran Islam. Tidak ada istimewanya bangsa Melayu di sisi Allah berbanding bangsa yang lain.

Persoalan bangsa ini tidak boleh kita pilih. Allahlah yang menentukan kita lahir sebagai bangsa apa, dan kita tidak akan dapat menukar hakikat ini hingga kiamat. Tetapi persoalan agama kita boleh pilih, agama apakah yang kita ingin anuti. Dan seseorang itu sepatutnya memilih untuk menjadi Muslim adalah kerana keyakinan akan kebenaran Islam, bukan berdasarkan keturunan atau bangsanya. Jika kita memandang dengan cahaya kebenaran, maka sudah tentu kita akan menganggap bahawa isu murtad merupakan sebuah persoalan utama, tanpa mengira bangsa atau negara mana sekalipun orang itu berada. Jika benarlah kita beriman dengan Allah dan Hari Akhir, maka sesungguhnya yang wajib kita sayangi dan perjuangkan adalah Islam, bukannya bangsa. Dan Rasulullah telah menetapkan hukum bahawa siapa sahaja yang keluar dari agama yang benar ini hendaklah dihukum bunuh, tidak kira bangsa apakah dia.

Seperkara lagi yang harus kita ingat adalah bahawa **yang wajib dan berhak menjalankan hukum bunuh ke atas ke atas mereka yang murtad adalah Negara (Pemerintah). Seseorang individu atau mana-mana jemaah tidak boleh sekali-kali melaksanakan hukuman ini.** Di dalam Islam, biasanya Negara akan menyerahkan tugas ini kepada Mahkamah atau Qadhi untuk melaksanakannya. Justeru, kita mestilah jelas apakah peranan yang wajib dimainkan oleh Mahkamah di dalam hal ini. Dari keputusan terbaru Mahkamah Persekutuan di dalam kes Lina Joy ini, kita dapati bahawa jika seseorang ingin keluar dari Islam, dia mestilah memfailkan permohonan dan seterusnya mendapat kelulusan/perintah dari Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Ini bermaksud:-

- (1) Seseorang itu boleh murtad (ada ruang untuk murtad), dan jika berniat berbuat demikian, maka bolehlah memohon ke Mahkamah Syariah;
- (2) Mahkamah Syariah perlu mendengar permohonannya dan membuat keputusan samada membenarkan atau tidak permohonan tersebut; dan
- (3) Jika Mahkamah Syariah membenarkan, maka seseorang itu sekarang akan diisytiharkan murtad atau dengan kata lain sahlah murtadnya menurut undang-undang.

Jadi, kedudukan sekarang adalah Mahkamah Syariah sebenarnya mempunyai bidangkuasa untuk 'mensahkan' atau tidak mensahkan kemurtadan seseorang. Dengan kata lain, kedudukan Mahkamah Syariah adalah tidak lebih sebagai '*rubber stamp*' terhadap orang yang ingin menukar agama Islam. Maha Suci Allah! Apakah ini peranan Mahkamah di dalam Islam?

Wahai kaum Muslimin! Tugas seorang qadhi di dalam Islam adalah untuk menghukum seseorang berdasarkan hukum Allah. Tugas qadhi adalah mendengar persengketaan yang diajukan, seterusnya menetapkan

hukum Allah bagi menyelesaikan persengketaan tersebut. **Qadhi akan memberikan hak kepada orang yang berhak dan menghukum orang yang bersalah. Inilah tugas qadhi. Tugas qadhi bukannya memberikan hak kepada orang yang bersalah, sebaliknya menghukum sipesalah.** Di dalam Islam seseorang itu tidak boleh memohon untuk melakukan kesalahan. Contohnya, bolehkah seseorang itu memohon kepada qadhi untuk tidak solat atau untuk tidak berpuasa Ramadhan? Bolehkah seseorang itu memohon untuk tidak melakukan kewajipan atau untuk melakukan keharaman? Bolehkah seseorang itu membuat permohonan ke Mahkamah untuk minum arak atau berzina? Dan bolehkah qadhi mendengar, seterusnya meluluskan atau tidak meluluskan permohonan ini? Saudaraku, inilah apa yang berlaku sekarang! Seseorang Muslim itu dibenarkan untuk memohon memaksati Allah dan lebih buruk, dibenarkan memohon untuk mensyirikkan Allah. Jika seseorang dibenarkan memohon untuk berzina pun sudah merupakan satu kekejian dan kesalahan, apa lagi jika seseorang dibenarkan memohon untuk keluar dari Islam? Betapa buruknya kedudukan ini. Sedarlah wahai kaum Muslimin!

Justeru, apakah kita akan bergembira sekali lagi jika Lina Joy membuat permohonan untuk keluar dari Islam di Mahkamah Syariah, walaupun permohonan tersebut mungkin ditolak oleh Mahkamah? Sesungguhnya tidak ada apa yang perlu disyukuri dengan apa yang telah diputuskan oleh Mahkamah, baik itu Mahkamah Persekutuan ataupun Mahkamah Syariah kerana yang menjadi tolok ukur (*miqyas*) bagi kita adalah samada sesuatu keputusan itu sesuai dengan Islam atau tidak, menurut perintah Allah atau tidak. Apa yang sewajibnya diputuskan oleh Mahkamah adalah memerintahkan agar Lina Joy bertaubat dan kembali kepada Islam dan diberi tempoh kepadanya untuk berbuat demikian. Jika dia tidak bertaubat dan tidak kembali kepada Islam setelah tempoh tersebut tamat, maka tidak ada hukum lain bagi Lina Joy kecuali sebagaimana sabda Rasulullah, bunuhlah dia. Inilah tugas Mahkamah.

Seandainya Malaysia berhukum dengan hukum Allah, maka sesungguhnya Azlina Jailani sudah lama tiada di dunia ini. Selama 17 tahun pemerintah telah membenarkan satu nyawa berterusan hidup mensyirikkan Allah, menganggap Isa adalah anak Allah dan menganggap Maryam dan *Ruhul Qudus* (Jibril) adalah Tuhan. Walhal nyawa tersebut sepatutnya telah lama dikembalikan kepada Allah dengan perlaksanaan hukum yang Allah telah tetapkan ke atasnya. Sekiranya hudud Allahlah yang tertegak di muka bumi ini, maka yang perlu dikeluarkan sekarang adalah 'Sijil Kematian' Azlina Jailani, bukannya Kad Pengenalan baru untuk Lina Joy. Tugas qadhi hanyalah sebagai pelaksana kepada hukum-hukum Allah, bukannya pelaksana hukum akal yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Mahkamah Syariah sepatutnya

melaksanakan perintah Allah, bukannya melaksanakan perintah Mahkamah Persekutuan. Seandai berjalannya *hududullah*, maka petunjuk Allah pasti akan bersama dengan kita dan rahmatNya akan pasti tercurah ke atas kita semua. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam bersabda, "*Suatu hukum hudud yang didirikan di bumi lebih dikasihi (kerana manfaatnya) oleh penduduknya daripada ditimpa hujan 40 pagi*" [HR Abu Daud].

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Sesungguhnya Azlina Jailani telah pun murtad, walau apa namanya sekalipun, walau apa yang tercatat pada kad pengenalannya sekalipun, samada dibenarkan oleh Mahkamah ataupun tidak untuk menukarnya. Sudah 17 tahun berlalu dan simurtad ini tidak pun bertaubat dan kembali semula kepada Islam. Hukum sekular yang ada sekarang langsung tidak menakutkan dia untuk terus berada di dalam kekafiran, **malah dia berjuang untuk mendapat pengiktirafan terhadap kemurtadannya kerana ini adalah satu perjuangan yang dibenarkan oleh sistem sekular. Inilah 'kejayaan' konsep kebebasan yang ditanamkan oleh kafir Barat ke atas dunia Islam.** Umat Islam merasakan mereka bebas untuk bertingkah laku; bebas bersuara; bebas memiliki apa sahaja dan bebas untuk berakidah, asalkan dibenarkan oleh undang-undang sekular walaupun ia jelas-jelas haram menurut undang-undang Islam.

Wahai kaum Muslimin! Apakah kalian masih belum sedar bahawa punca kepada segala masalah adalah kerana tidak diterapkan hukum Allah di dalam kehidupan ini? Manusia melakukan pelbagai jenis kerosakan di muka bumi dan termasuklah merosakkan dirinya sendiri. Apakah kalian masih belum sedar bahawa sistem sekular yang ada tidak pernah dapat mencegah kerosakan ini malah memburukkan lagi kerosakan yang sedia ada. Apakah kalian masih ingin bernaung di bawah sistem ciptaan kufur ini dan terus mendokong penerapannya? Sampai bilakah kalian akan terus berdiam diri dengan sistem busuk ini yang membiarkan kemurtadan terus berlaku? Sampai bilakah kalian akan terus berpangku tubuh dan redha dengan hukum Jahiliyyah ini? Bilakah kalian akan mula bergerak untuk menegakkan kebenaran? Tidak takutkah kalian dengan azab Allah yang akan menimpa kalian kerana kalian tidak berusaha merubah kebatilan ini dan menggantikannya dengan hukum-hukum Allah? Ya Allah! Bukalah hati umat Muhammad untuk berjuang menegakkan agamaMu. Ya Rabbul 'Izzati! Engkau telah menciptakan agama yang benar bagi kami dan sekali-kali kami tidak akan keluar darinya. Segerakanlah bagi kami wujudnya seorang Khalifah yang akan menerapkan hukum-hukumMu sehingga tiada lagi orang yang berani mempermainkan DeenMu. *Amin ya Rabbal 'alamin.*